



KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN BEROPERASI SEKTOR EKONOMI DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP DI BAWAH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1

JOHOR BAHRU, 15 Ogos 2021 – Susulan kenyataan media yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 19 Ogos 2021, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan menggunakan prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 berkuatkuasa 21 Ogos 2021.

Kebenaran beroperasi terkini yang diberikan sebagaimana SOP **adalah kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap** bagi 10 aktiviti di bawah sektor perdagangan dan pengedaran serta sektor pasar (aktiviti pasar tani, pasar pagi, pasar malam dan pasar minggu). Selain itu, kebenaran tambahan lain turut melibatkan sektor sukan dan riadah iaitu pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi komersil yang bersifat terbuka (*outdoor*) dan separa terbuka.

Untuk makluman warga bandar raya, individu yang telah lengkap divaksinasi adalah merujuk kepada individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan 2 dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua, atau;
- ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan 1 dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino) individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

Bagi penerangan secara terperinci berkaitan kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap serta sektor ekonomi yang diberi kebenaran beroperasi, warga bandar raya boleh merujuk kepada Notis Pemberitahuan Had

Waktu Operasi Aktiviti Bagi Pemilik Premis Perniagaan Di Dalam Kawasan MBBJ berkuatkuasa 21 Ogos 2021. Notis ini boleh didapati menerusi laman web MBBJ serta media-media sosial rasmi MBBJ.

Warga bandar raya adalah diingatkan bahawa kemudahan-kemudahan yang disebutkan ini adalah bertujuan untuk merancakkan aktiviti ekonomi negara dan bukan bermaksud keadaan kini telah selamat dari ancaman pandemik COVID-19. Sila pastikan anda tidak lalai dari mematuhi SOP-SOP yang berkuatkuasa serta memastikan keselamatan diri dan ahli keluarga sentiasa dipelihara di mana jua anda berada.

Disediakan oleh:

Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam

Majlis Bandaraya Johor Bahru

21 Ogos 2021 / 12 Muharram 1443 Hijrah